

Penyelidik UPM rangkul tiga pingat di Jerman

KUALA LUMPUR 7 Nov. – Sekumpulan tiga penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini berjaya meraih tiga pingat di Pameran Antarabangsa Idea-Penemuan-Produk Baru (IENA) 2008 yang berlangsung pada 30 Oktober hingga 2 November lalu di Nurembergh, Jerman.

Ketua Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Khairul Anuar Muhamad Noh berkata, pingat emas pertama diperoleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah) Fakulti Kejuruteraan, Prof. Ir. Dr. Norman Marium menerusi produknya Pempasteuran Ohmik Panas.

Menurutnya, produk itu direka dan dicipta untuk pempasteuran bahan makanan cecair tanpa menggunakan penular haba dan periuk.

“Penghasilan produk itu hanya memerlukan kos yang murah, jimat, mudah dikendalikan, menghasilkan produk yang lebih bermutu serta menjimatkan penggunaan tenaga,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Khairul Anuar memberitahu,

pingat emas kedua dimenangi Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Prof. Dr. Suhaila Mohamed dengan penelidikannya bertajuk Perasa Makanan Kardio Untuk Kesihatan Kardiovaskular.

Katanya, produk itu berkesan untuk memulihkan penyakitencing manis, tekanan darah tinggi, kolestrol tinggi, kerosakan pembuluh darah, kegemukan, penyakit ginjal dan membantu melawan beberapa jenis kanser dalam kajian terhadap haiwan.

“Ia juga dapat memelihara organ dalaman, mengurangkan tekanan oksida dan kadar kematian pada haiwan berkenaan,” ujarnya.

Bagi pingat gangsa pula, katanya, ia dimenangi Pensyarah Fakulti Kejuruteraan, Dr. Alyani Ismail dengan produknya Penapis Gelombang Mikro Berbentuk Rama-Rama.

Katanya, ia merupakan teknologi penapis frekuensi ultra jalur lebar yang membolehkan transmisi telekomunikasi lebih pantas daripada teknologi sedia ada.

8/11/08
UTUSAN MALAYSIA